

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**RUJUKAN : 7313**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah indeks dan jenayah bukan  
indeks mengikut negeri dan kawasan Parlimen.**

## **JAWAPAN:**

**Jenayah indeks dapat dipecahkan kepada dua (2) kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenis kesalahan di bawah jenayah kekerasan adalah seperti bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mencederakan. Bagi jenis kesalahan di bawah jenayah harta benda pula ianya merangkumi curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut dan pecah rumah.**

**Manakala jenayah bukan indeks adalah jenayah selain daripada tiga belas (13) jenis kesalahan jenayah indeks yang dinyatakan di atas. Ini meliputi kesalahan-kesalahan di bawah akta-akta seperti Akta Kesalahan Kecil, Akta Imigresen, Akta Polis, Akta Hiburan, Akta Dadah Berbahaya, Enakmen dan Ordinan Negeri.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jenayah indeks bagi tahun 2013 adalah 147,062 kes manakala statistik jenayah bukan indeks adalah 71,832 kes. Pecahan statistik mengikut negeri adalah seperti berikut:**

- a) jenayah indeks bagi Kuala Lumpur ialah 22,319 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 6,651 kes;**
- b) jenayah indeks bagi Selangor ialah 43,060 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 13,527 kes;**

- c) jenayah indeks bagi Johor ialah 17,105 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 12,933 kes;**
- d) jenayah indeks bagi Pulau Pinang ialah 7,936 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 4,222 kes;**
- e) jenayah indeks bagi Kedah ialah 8,636 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 5,510 kes;**
- f) jenayah indeks bagi Perak ialah 7,429 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 5,729 kes;**
- g) jenayah indeks bagi Perlis ialah 831 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 743 kes;**
- h) jenayah indeks bagi Negeri Sembilan ialah 5,993 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 4,399 kes;**
- i) jenayah indeks bagi Melaka ialah 4,186 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 1,106 kes;**
- j) jenayah indeks bagi Pahang ialah 5,257 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 3,364 kes;**
- k) jenayah indeks bagi Terengganu ialah 3,610 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 2,324 kes;**

- l) jenayah indeks bagi Kelantan ialah 5,737 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 3,499 kes;**
  
- m) jenayah indeks bagi Sarawak ialah 9,191 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 4,119 kes; dan**
  
- n) jenayah indeks bagi Sabah ialah 5,772 kes, manakala jenayah bukan indeks pula 3,706 kes.**